



PERKESO

# PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

## KENYATAAN TENDER

Tawaran tender adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai kelayakan berkaitan bagi perkara berikut:-

BIL	TAJUK TENDER	RUJUKAN TENDER	KELAYAKAN	TARIKH TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN
1	Tender Bagi Cadangan Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Sistem Generator Bagi Pusat Pemulihan Bencana PERKESO (DRC) Di Tingkat 16, PERKESO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.	T/PKS 3/2023(M)	Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Gred G4, Kategori ME, Pengkhususan E04 dan E32.	16 MAC 2023 (Khamis) 10.30 pagi Taklimat Secara Online Tuan/Puan adalah diwajibkan mengesahkan kehadiran melalui link <a href="https://forms.office.com/r/GXaJ5gF3T2">https://forms.office.com/r/GXaJ5gF3T2</a> mulai 13/03/2023 (Isnin) hingga 15/03/2023 (Rabu) - 1.00 petang (Kehadiran Taklimat Tender Adalah Diwajibkan)	RM100.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 16/03/2023 sehingga 27/03/2023 Tarikh tutup tender pada 03/04/2023

Dokumen Meja Tender dipamerkan di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. Dokumen Tender boleh dibeli mulai pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat dengan menggunakan **Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank** atas nama **Ketua Eksekutif PERKESO** dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau cek persendirian tidak akan diterima. Dokumen boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur.

**Bagi tujuan pembelian dokumen tender, tuan/puan dikehendaki membawa dokumen seperti yang dinyatakan di atas (asal dan salinan) yang masih dalam tempoh sah laku bagi kelayakan yang ditetapkan. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa, jika penama tidak dapat hadir.**

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan melalui emel [enquirytender@perkeso.gov.my](mailto:enquirytender@perkeso.gov.my)


Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri nombor rujukan tender dan diserahkan **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas** ke alamat berikut:-

**Ketua Eksekutif**

**Pertubuhan Keselamatan Sosial**

**Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur**

Dokumen tawaran tidak akan diterima selepas jam/tarikh tutup tender. PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender dan keputusan adalah muktamad.

  
Ditutupkan pada  
13 Mac 2023 (Isnin)

**AHMAD ZAWAWI BIN ZULKIPLY**  
Ketua Cawangan  
Perolehan Sebutharga  
Bahagian Perolehan  
Pertubuhan Keselamatan Sosial